

04 OCT 1999

GLOBALISASI-TEMBOK

GLOBALISASI PECAH TEMBOK KE ARAH KEMAJUAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Globalisasi ditakuti oleh banyak pihak kerana ia membuka pintu bagi persaingan sengit tetapi ia juga boleh memecahkan tembok-tembok halangan ke arah kemajuan ekonomi yang pesat, kata presiden Global Management Associates yang beribupejabat di Amerika Syarikat, Harry G. Harris.

Pada satu sidang akhbar selepas ceramah tengah hari mengenai "Ekonomi Dunia dan Kepimpinan Pengurusan" di sini hari ini, beliau berkata beberapa pihak tertentu tidak yakin dan tidak bersetuju dengan proses globalisasi kerana mereka bimbang tidak berpeluang meraih keuntungan yang lebih besar dan tidak boleh mengawal pasaran keseluruhannya bagi faedah mereka sendiri.

Individu-individu atau syarikat-syarikat ini pentingkan diri sendiri, katanya, sambil menambah bahawa globalisasi membawa pertumbuhan kepada ekonomi, bukan sahaja dari segi kewangan, tetapi juga kemajuan teknologi dan pembangunan sumber manusia dalam ertikata lebih banyak pekerjaan, latihan dan faedah-faedah sosial.

Di AS, tambah beliau, globalisasi dalam ekonominya menghasilkan pelaburan yang besar dan mewujudkan keadaan di mana pertumbuhan begitu hebat, sehingga tenaga buruh terlatih terpaksa diimport untuk memenuhi permintaan.

Koridor Raya Multimedia (MSC), ilham Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah replika kejayaan Lembaga Silikon di Amerika Syarikat, katanya.

Dengan cara yang sama, ini telah membawa pelaburan asing yang besar ke dalam negara, dari Microsoft, Lotus dan Nokia, tambahnya.

Jelaslah, kesan persaingan ekoran globalisasi kecil sahaja tetapi di sinilah kerajaan memainkan peranannya dalam mengendalikan keadaan, katanya.

Antara lain, ia merangkumi pengurusan pekerja-pekerja yang dibuang kerja daripada syarikat-syarikat yang tidak beroperasi akibat persaingan, dengan memberikan mereka kemahiran pekerjaan baru melalui latihan dan memberikan mereka pekerjaan dalam bidang baru, jelasnya.

Sementara itu, kerajaan harus sentiasa mengekalkan kestabilan politik, persekitaran, perundangan, ketelusan dan etika supaya sentiasa dapat menyediakan suasana yang menarik bagi pelabur dan bakal pelabur, kata Harris.

Apabila ditanya sama ada konsep pasaran bebas dalam dagangan matawang dan pasaran-pasaran modal lain diinginkan dalam globalisasi, beliau berkata nilai matawang sesebuah negara yang diapungkan dalam pasaran matawang harus mencerminkan tanggapan pelabur terhadap nilai negara berkenaan.

Menurut beliau, Malaysia telah mengambil langkah yang wajar dengan penetapan matawangnya di mana ringgit ditetapkan pada RM3.80 berbanding dolar AS dan kawalan modal.

Harris menambah kata bahawa langkah-langkah ini telah dapat mengurus dan melindungi ekonomi negara ini dengan berkesan.

Pertumbuhan KDNK sebanyak 4.1 peratus dalam suku kedua, peningkatan jumlah eksport dan rizab pertukaran asing sehingga AS\$30 bilion setakat ini daripada AS\$10 bilion sebelum langkah-langkah kawalan, adalah satu petanda baik, katanya.

-- BERNAMA

MFZ KY JR